



MODUL PENDIDIKAN SIVIK DALAM PENDIDIKAN MORAL

Tajuk: Masyarakat Prihatin Alam Terpelihara

Nilai Teras: Kasih Sayang

Konteks: Masyarakat

Masa: 1 jam

SK: 3.4 Sayangi Alam Sekitar

SP: 3.4.1 Mencadangkan cara menjaga alam sekitar

Literasi Sivik

Pengetahuan:

Menghuraikan kepentingan dan cara menjaga alam sekitar serta mengetahui kesan jika tidak menjaga alam sekitar

Sosioemosi:

Melahirkan perasaan bangga apabila dapat menjaga alam sekitar

Tindakan:


Mengamalkan budaya menyayangi alam sekitar

Aktiviti Literasi Sivik 1

1. Murid diminta melaksanakan aktiviti *Table Talkers* atau *Talk Partners*.
2. Murid dibahagikan kepada beberapa kumpulan dan setiap kumpulan melaksanakan satu tugas berikut:
 - Tugas 1: Membincangkan cara-cara mengitar semula bahan buangan bagi menjaga alam sekitar
 - Tugas 2: Membincangkan kesan pencemaran air, udara, bunyi dan tanah kepada manusia, haiwan dan tumbuhan
 - Tugas 3: Mengumpulkan maklumat dan menghasilkan mesej tentang alam sekitar dalam pelbagai bentuk karya seni seperti papan tanda, iklan, brosur dan puisi

Aktiviti Literasi Sivik 2

1. Murid mengumpulkan bahan terbuang yang terdapat di sekitar kawasan sekolah atau dibawa dari rumah.
2. Murid menghasilkan kraf tangan atau cenderahati menggunakan bahan terbuang tersebut.



Aktiviti Literasi Sivik 3

1. Murid melihat tayangan video berkaitan dengan pencemaran alam sekitar.
2. Guru mengadakan kuiz tentang pencemaran alam sekitar untuk menguji hasil pembelajaran murid.
3. Murid diberikan peluang untuk berbincang tentang kepentingan menjaga alam sekitar dan cara menangani isu pencemaran alam sekitar.

Refleksi: (Diisi oleh guru sebaik-baik sahaja selesai pengajaran)